



KEMENTERIAN PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN

MANUAL PENGGUNA

**SISTEM PEMANTAUAN PEMATUHAN
DASAR KESELAMATAN ICT KPKT
TAHUN 2019**

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PENGENALAN	1
2.	LOG MASUK PENGGUNA	2
3.	PENGESAHAN AKUAN	3-5
4.	SURAT ARAHAN KSU	6
5.	DOKUMEN DKICT	7-8
6.	SURAT AKUAN PEMATUHAN DKICT KPKT	9
7.	LOG KELUAR	10

1. PENGENALAN

Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Versi 4.2 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPKT Bilangan 4 Tahun 2018 pada 5 November 2018. DKICT KPKT ini adalah terpakai kepada semua warga KPKT dan pihak ketiga selagi mana ada hubung kait dengan penggunaan aset dan keselamatan ICT KPKT. Setiap pengguna yang terdiri daripada semua warga KPKT dan pihak ketiga hendaklah membaca, memahami dan mematuhi DKICT KPKT dan undang-undang atau peraturan- peraturan lain yang berkuat kuasa.

Manakala Sistem Pemantauan Pematuhan DKICT KPKT Versi 4.2 ini pula telah dibangunkan dan ditambah baik oleh Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) bagi meningkatkan kualiti pengurusan pemantauan akuan pematuhan DKICT KPKT yang lebih sistematik secara dalam talian. Sistem ini merupakan penambahbaikan ke atas Versi 1.0 yang telah dilancarkan pada Ogos.

Manual pengguna bagi Sistem Pemantauan Pematuhan DKICT KPKT Versi 4.2 ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada pengguna dalam menggunakan sistem berkenaan. Sistem ini boleh dicapai melalui URL <http://dkict.kpkt.gov.my/dkict>.

2. LOG MASUK PENGGUNA



Rajah 1: Paparan Log Masuk Pengguna

- a. Pengguna perlulah masukkan **No. Kad Pengenalan** dan **Password** pada ruangan yang disediakan untuk masuk ke sistem ini seperti **Rajah 1** di atas. Seterusnya, klik pada butang **Login**.
- * **Maklumat Tambahan**
No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan adalah sama seperti yang didaftarkan untuk masuk ke Sistem Latihan Bersepadu (SLB) sebelum ini.
- b. Klik pautan **Lupa Kata Laluan** jika terlupa Kata Laluan. Sistem akan terus membawa pengguna ke paparan Sistem Latihan Bersepadu (SLB) bagi mendapatkan semula maklumat akses ke sistem ini.
- c. Klik pautan **Manual Pengguna Lupa Kata Laluan** bagi mendapatkan Manual Pengguna Lupa Kata Laluan.
- d. Klik pautan **Manual Pengguna Sistem** bagi mendapatkan Manual Pengguna Sistem ini.


3. PENGESAHAN AKUAN









Rajah 2: Paparan Laman Utama Sistem

Setelah berjaya mengakses sistem, maka pengguna akan memasuki laman utama sistem yang berfungsi untuk membantu pengguna membuat Pengesahan Akuan Pematuhan seperti di **Rajah 2** di atas. Penerangan terperinci mengenai paparan tersebut adalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Penerangan Terperinci Paparan Pengesahan Akuan

BIL.	ITEM	KETERANGAN
a.		Pengguna perlu klik pada ikon ini untuk memaparkan Surat Arahan Ketua Setiausaha mengenai Pematuhan DKICT KPKT yang terkini. Selain itu, pengguna juga boleh mencetak dan memuat turun (<i>download</i>) surat tersebut dalam format *.pdf.

BIL.	ITEM	KETERANGAN
b.	 Dokumen DKICT VERSI 4.2	Pengguna perlu klik pada ikon ini untuk memaparkan, membaca dan memuat turun Dokumen DKICT KPKT Versi terkini.
c.		<p>Penting: Pengguna dikehendaki tanda pada kotak  yang disediakan bagi membolehkan pengguna untuk klik pada ikon  untuk membuat akuan pematuhan setelah membaca dan memahami DKICT KPKT tersebut.</p>
d.		<p>Klik pada butang Hantar bagi mengesahkan akuan pematuhan DKICT KPKT ke dalam sistem. Sistem akan memaklumkan bahawa pengguna telah melaksanakan akuan pematuhan DKICT masing-masing seperti berikut:</p> <div data-bbox="699 1037 1385 1104" style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;"> <p>Terima Kasih Anda telah melaksanakan pematuhan DKICT pada 20-02-2019</p> </div> <p>Seterusnya sistem akan menjana Surat Akuan Pematuhan DKICT KPKT secara dalam talian.</p>
e.		<p>Pengguna boleh menghantar sebarang cadangan, komen atau maklum balas bagi penambahbaikan ke atas kandungan dokumen DKICT KPKT serta sistem pada masa akan datang pada ruangan Cadangan Bagi Dokumen DKICT Versi 4.2. Klik pada butang Hantar untuk mengesahkan penghantaran cadangan tersebut.</p>



Setelah pengguna melaksanakan akuan pematuhan maka sistem akan memaklumkan bahawa pengguna telah melaksanakan akuan pematuhan DKICT masing-masing pada tarikh ia diperakukan oleh pengguna tersebut. Seterusnya sistem akan menjana Surat Akuan Pematuhan DKICT KPKT **secara dalam talian**. Paparan laman utama adalah seperti di **Rajah 3** di bawah.



Rajah 3: Paparan Laman Utama Sistem Setelah Pengguna Melaksanakan Akuan Pematuhan

Penerangan terperinci mengenai paparan tersebut adalah seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Penerangan Terperinci Paparan Pengesahan Akuan

BIL.	ITEM	KETERANGAN
		Sistem akan memaklumkan bahawa pengguna telah melaksanakan akuan pematuhan DKICT masing-masing.
b.		Klik pada ikon ini jika pengguna ingin melihat draf Surat Akuan Pematuhan DKICT KPKT (sekiranya belum melaksanakan akuan pematuhan). Manakala sekiranya pengguna telah membuat akuan pematuhan maka Surat Akuan Pematuhan DKICT KPKT boleh dimuat turun atau dicetak untuk simpanan masing-masing. DKICT KPKT Versi terkini.

4. SURAT ARAHAN KSU

Pengguna akan dipaparkan dengan paparan Surat Arahan KSU seperti di **Rajah 4** di bawah. Penerangan terperinci mengenai paparan tersebut adalah seperti berikut:



Rajah 4: Paparan Surat Arahan KSU

- a. Pengguna boleh memuat turun (*download*) Surat Arahan KSU dalam format *.pdf.
- b. Pengguna boleh mencetak Surat Arahan KSU tersebut.


5. DOKUMEN DKICT

Pengguna akan dipaparkan dengan paparan dokumen DKICT KPKT Versi terkini seperti di **Rajah 5** di bawah. Penerangan terperinci mengenai paparan tersebut adalah seperti berikut:



Rajah 5: Paparan Dokumen DKICT

- a. Ikon **bookmarks** ini berfungsi sebagai penanda bab, tajuk atau perkara yang telah disediakan dalam dokumen DKICT KPKT bagi membantu pengguna untuk mengakses kandungannya dengan lebih cepat dan pantas. Pengguna perlu klik pada ikon **Bookmarks** bagi membolehkan senarai isi kandungan yang terdapat dalam dokumen DKICT KPKT dipaparkan.
- b. Seterusnya, pengguna hanya perlu memilih pada tajuk atau perkara yang ingin dilihat dan sistem akan terus memaparkan kandungan muka surat seperti mana yang telah dipilih. Gambar rajah terperinci mengenai paparan tersebut adalah seperti di **Rajah 6** di bawah.




Rajah 6: Paparan Kandungan Dokumen DKICT KPKT berdasarkan Bookmarks yang dipilih Pengguna

- c. Pengguna boleh memuat turun (*download*) DKICT KPKT Versi terkini dalam format *.pdf.
- d. Pengguna boleh mencetak DKICT KPKT Versi terkini tersebut.

6. SURAT AKUAN PEMATUHAN DKICT KPKT

Sistem ini akan menjana Surat Akuan Pematuhan DKICT KPKT mengikut pengguna **setelah pengguna melaksanakan akuan pematuhan DKICT KPKT** secara dalam talian seperti di Rajah 7 di bawah.



- a. Pengguna boleh memuat turun (*download*) Surat Akuan Pematuhan DKICT KPKT untuk tujuan simpanan masing-masing dalam format *.pdf.
- b. Pengguna juga boleh mencetak Surat Akuan Pematuhan DKICT KPKT tersebut (sekiranya perlu).

7. LOG KELUAR



Pengguna perlu klik butang **Log Out** untuk keluar sepenuhnya daripada sistem ini.

Disediakan oleh:

Bahagian Teknologi Maklumat

Kementerian Perumahan &

Kerajaan Tempatan.

20 Februari 2019